

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Sunday, 11 June, 2017 10:33 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Che Mohd Aziz bin Yaacob
Subject: INASIS SIME DARBY ONLINE: PROGRAM MUFAKAT RAMADAN INASIS SIME DARBY



11 JUN 2017, AHAD | 16 RAMADAN 1438H



INASIS SIME DARBY ONLINE: Barisan kepimpinan pelajar JKPS dengan kerjasama staf Inasis Sime Darby telah mengadakan majlis Muafakat Ramadan pada 22 Mei 2017 sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak 1438 Hijrah.

Program Muafakat Ramadan ini diadakan secara gotong-royong dalam penyediaan makanan yang melibatkan pelajar, staf pentadbiran dan pekerja pembersihan UPSB. Sajian menu utama adalah gulai kawah yang merupakan masakan tradisi tetap Inasis Sime Darby apabila tibanya bulan Ramadan.

Pengetua, Dr. Che Mohd Aziz Yaacob gembira kerana jalinan hubungan ukhuwah yang baik dalam kalangan warga Inasis Sime Darby bagi menjayakan sesuatu program yang dianjurkan di Inasis Sime Darby. Majlis turut dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Abdul Malek Haji Abdul Karim, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan barisan pengetua Inasis.

Program ini memperlihatkan bahawa pihak HEP sangat prihatin bagi memastikan pembangunan positif sahsiah pelajar. Selain itu pelajar mempelajari aspek pengurusan program yang dapat diaplikasikan di alam pekerjaan kelak.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.